

Dr M tingkat serangan

Bekas Perdana Menteri dakwa negara diselubungi ketakutan

BH- 28/10/2006

Oleh M Thillinadan
dan Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad meneruskan serangannya terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam, dengan mendakwa negara kini diselubungi iklim ketakutan.

Keadaan itu, seperti didakwa bekas Perdana Menteri, adalah kerana sesiapa yang menyoal atau mengkritik Perdana Menteri akan dikenakan pelbagai tindakan, selain diasak dan diugut oleh polis atau pemimpin kerajaan.

Beliau juga mendakwa tindakan akan diambil terhadap sesiapa saja yang menentang Perdana Menteri, termasuk dipecat daripada jawatan,

ditukar ke kawasan pedalaman seperti Sabah, kontrak mereka dibatalkan, gangguan daripada bank, dipanggil polis, Badan Pencegah Rasuah (BPR), serta ditahan dan disoal siasat berulang kali.

Dalam kenyataan yang dibuat dalam bahasa Inggeris dengan tajuk 'Mengapa Saya Mengkritik Perdana Menteri' yang ditujukan kepada seluruh rakyat Malaysia, Dr Mahathir membuat pelbagai tuduhan terhadap pentadbiran Perdana Menteri, termasuk beberapa dakwaan baru.

Kenyataan dua muka surat itu dipapar pada beberapa laman web, yang pertama pada jam 1.34 petang.

Antara alasan yang digunakannya untuk mengkritik Abdullah ialah tiada sesiapa pun boleh atau berani

berbuat demikian.

Mereka yang disenaraikan sebagai tidak boleh mengkritik Perdana Menteri ialah timbalannya, menteri, Ahli Majlis Tertinggi Umno, Menteri Besar, Ketua Menteri, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Undangan Negeri, ahli Umno, pegawai kerajaan dan sesiapa saja daripada raja hingga pengemis.

Tidak ketinggalan daripada sasaran beliau ialah media arus perdana, termasuk radio dan televisyen, yang didakwanya tidak dibenar menegur Perdana Menteri.

Dakwaan itu bertentangan dengan Indeks Kebebasan Media Sedunia 2006 oleh Wartawan Tanpa Sempadan, yang menaikkan kebebasan media Malaysia daripada kedudukan 113

pada tahun lalu kepada 92 tahun ini. Dr Mahathir seterusnya mendakwa:

"Telefon bimbit prabayar kini dikehendaki didaftar supaya sesiapa yang menghantar SMS akan dikenali oleh kerajaan supaya tindakan boleh diambil.

Internet dan laman web akan dipantau secara elektronik dan tindakan akan diambil terhadap sesiapa yang mengkritik Perdana Menteri.

Sesiapa yang cuba menganjurkan majlis yang mana Perdana Menteri mungkin dikritik akan diganggu dan diugut oleh polis dan pemimpin

LIHAT MUKA 2

Kenyataan bertulis supaya tidak diputar belit: Dr M

DARI MUKA 1

kerajaan, untuk memaksa mereka membatalkan majlis berkenaan.

Saya sendiri disekat menggunakan pelbagai cara untuk menghalang saya daripada mengkritik Perdana Menteri:

I) Saya tidak boleh diundang oleh Umno, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan pegawai kerajaan atau pegawai bukan kerajaan, universiti atau mana-mana institusi lain.

II) Ahli Umno dan orang ramai dihalang dan dinasihatkan jangan menghadiri sebarang majlis atau mesyuarat di mana saya dijadualkan bercakap.

III) Macam-macam ugutan dibuat polis dan pemimpin politik untuk menakutkan mereka yang enggan patuh.

IV) Setiap kali sesuatu yang membabitkan orang awam berlaku, Timbalan Perdana Menteri, dan pihak tertentu akan memberi nasihat keras supaya sebarang kritikan, ko-

men atau perdebatan harus dihindarkan.

Tindakan yang diambil atau diugut akan diambil termasuk pemecatan, dipindahkan ke kawasan pedalaman seperti Sabah, pembatalan atau penarikan balik kontrak, desakan daripada bank, dipanggil polis, Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan agensi penguat kuasa kerajaan yang lain, ditahan dan disoal siasat berulang kali.

Iklm ketakutan telah menyelubungi negara ini.

Tiada siapa yang berani komen, mengkritik atau menentang apa saja dilakukan Perdana Menteri.

Dalam keadaan tiada sesiapa boleh mengkritik Perdana Menteri, saya harus menyuarakan kritikan saya mengenai perkara yang tidak membabitkan peribadi saya, sebaliknya hanya isu membabitkan kepentingan agama, bangsa dan negara.

Oleh kerana itu, saya dikutip oleh orang kuat Perdana Menteri, termasuk pemimpin parti komponen, media arus perdana yang di-

kawal Kali dan Brendan dan semua cabang kerajaan lain.

Soalan dan isu yang saya bangkitkan belum berjawab. Apa yang dipersoalkan ialah hak saya untuk memberi komen dan mengkritik. Cubaan dibuat bagi menghina saya dengan begitu teruk sehingga saya digambarkan sebagai sudah hilang akal. Berulang kali, dakwaan dibuat bahawa pentadbiran pada masa saya lebih teruk.

Media mereka memberi gambaran kritikan saya terhadap Perdana Menteri sebagai sesuatu yang keji dan wajar ditegur.

Umat Islam harus tahu bahawa imam pun boleh diperbetulkan oleh makmumnya ketika bersolat jika beliau tersalah baca atau melakukan sesuatu kesilapan.

Saidina Abu Bakar, Khalifah pertama Islam, meminta beliau diperbetulkan jika melakukan sesuatu kesalahan, bukan oleh orang asing tetapi oleh umat Islam sendiri.

Bagaimanapun, Perdana Menteri sekarang tidak boleh diberi komen

langsung, dikritik atau dinasihati. Beliau seolah-olah seorang maksum yang bebas daripada sebarang kelemahan atau kesilapan manusia.

Perjumpaan saya dengan beliau seharusnya dirahsiakan daripada rakyat dan hanya kerana kami sudah berjumpa, saya tidak boleh lagi mengkritik apa saja yang dilakukan Perdana Menteri.

Disebabkan kenyataan saya bahawa saya akan terus mengkritik sekiranya sesuatu yang tidak baik untuk agama, bangsa dan negara dilakukan Perdana Menteri, semua jenis kutukan dan penghinaan dilemparkan terhadap saya oleh orang kuat Perdana Menteri dan media arus perdana.

Disebabkan semua ruang untuk mengkritik kerajaan sudah ditutup, maka saya terpaksa mengeluarkan kenyataan bertulis ini supaya tidak diputar belit sesiapa."

Dr Mahathir menandatangani kenyataan yang bertarikh 27 Oktober itu sebagai warganegara Malaysia dan rakyat biasa.